

Nama murid :

Kelas : 4 Amanah

Surat Kiriman Tak Rasmi

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

No. 91 Kampung Surau Utan Aji,
01000 Kangar, Perlis

Melbourne

Saudara

Danial

12 Ogos 2021

Amir Darwish

Setakat ini sahaja yang dapat saya tulis untuk tatapan saudara. Semoga dipanjangkan
usiadan dapat kita berjumpa lagi.

Ke hadapan sahabatku _____ yang kini berada di _____, Australia. Semoga berada
dalam keadaan sihat selalu. Saya dankeluarga di sini sihat selalu.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Kemerdekaan Malaysia yang
ke-64. Semoga negara kita Malaysia sentiasa dalam lindungan Tuhan. Isi surat saya pada kali ini ialah
mengenai kemeriahan sambutan kemerdekaan yang telah diadakan.

Walaupun negara kita baru sahaja dilanda dengan penyakit berbahaya iaitu virus Covid-19
tetapi sambutan kemerdekaan tetap dilakukan. Dalam keadaan yang sederhana terdapat juga aktiviti yang
dilakukan sebagai contoh pihak sekolah telah mengadakan pertandingan membuat poster secara dalam
talian, pertandingan membuat video paling kreatif dan lain-lain lagi.

Selain itu, tembakan bunga api juga diadakan walaupun suasana tidak lagi sama seperti dulu di
mana kita dapat berkumpul di stadium untuk melihat upacara tembakan bunga api tersebut. Namun
begitu, upacara perarakan juga tidak dapat dilakukan kerana rakyat tidak dibenarkan lagi untuk
berkumpul di tempat awam.

Seterusnya, kempen-kempen mengenai sambutan kemerdekaan hanya disiakan secara maya
dan diadakan dalam talian sahaja. Walaupun keadaan tidak mengizinkan namun kita perlu tetap
bersemangat untuk menyambut kemerdekaan negara kita. Namun begitu, saya berasa amat gembira
kerana saya berjaya mendapat hadiah yang menarik kerana telah berjaya dalam pertandingan yang saya
cebur.

Yang benar,

(Amir Darwish)